

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI
[TUMPAT]**

TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 34

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah strategik berhadapan cabaran "*crowding-out effect*" syarikat-syarikat penerbangan gergasi terhadap syarikat-syarikat kecil disebabkan pelaksanaan ASEAN Single Aviation Market kelak.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, *ASEAN Single Aviation Market* adalah merupakan satu aturan yang membolehkan syarikat penerbangan negara-negara ASEAN untuk menyediakan perkhidmatan penerbangan tanpa had kapasiti, kekerapan ataupun jenis pesawat di antara mana-mana destinasi di negara-negara ASEAN. Melalui aturan ini, syarikat-syarikat penerbangan diberikan kebebasan untuk merancang dan menentukan jaringan penerbangan. Ianya akan memberi manfaat kepada pengguna terutamanya dalam memberi pilihan terhadap perkhidmatan penerbangan yang bersesuaian dengan harga yang lebih kompetitif.
2. Pelaksanaan *ASEAN Single Aviation Market* dilihat bakal membantu syarikat-syarikat penerbangan negara seperti berikut:

- (i) pewujudan hak trafik yang liberal akan memberikan fleksibiliti kepada syarikat-syarikat penerbangan Malaysia untuk merancang serta meluaskan jaringan penerbangan mereka ke negara-negara ASEAN terutamanya di negara-negara yang mana hak trafik di peringkat dua hala adalah terhad;
 - (ii) Membolehkan syarikat penerbangan meningkatkan kekerapan penerbangan dan menyediakan perkhidmatan penerbangan bagi laluan yang baru; dan
 - (iii) Membolehkan syarikat penerbangan menentukan harga tambang mengikut pasaran semasa tanpa perlu mendapatkan kelulusan daripada Pihak Berkuasa Penerbangan.
3. Namun begitu Kerajaan mengambil maklum bahawa *ASEAN Single Aviation Market* ini turut memberi kesan dan cabaran kepada syarikat-syarikat penerbangan negara terutamanya dalam hal-hal seperti berikut:
- (i) lambakan kapasiti penerbangan melebihi permintaan akan menjejaskan prestasi kewangan syarikat penerbangan negara;
 - (ii) persaingan dalam menetapkan harga tambang yang kompetitif akan mengurangkan *yield* atau keuntungan syarikat penerbangan; dan
 - (iii) pewujudan persaingan sengit antara syarikat-syarikat penerbangan ASEAN yang mana syarikat-syarikat penerbangan yang mempunyai prestasi yang kukuh mampu memonopoli pasaran manakala syarikat-syarikat penerbangan yang kecil akan merasai impak persaingan yang boleh menyebabkan syarikat-syarikat penerbangan tersebut mengalami kemerosotan prestasi.

4. Dalam hubungan ini, antara langkah strategik bagi meyiapsiagakan industri penerbangan negara di bawah *ASEAN Single Aviation Market*, Kerajaan telah menubuhkan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (*Malaysian Aviation Commission - MAVCOM*) pada Mac 2016 yang berfungsi menggalakkan persaingan yang berkesan dalam industri penerbangan awam dengan menyediakan suatu persekitaran ekonomi yang membolehkan syarikat penerbangan Malaysia mengekalkan keupayaan mereka untuk bersaing dengan berkesan dalam pasaran penerbangan awam melalui cara yang menguntungkan, cekap, adil dan mampan.
5. Selain itu, MAVCOM juga bertanggungjawab memperuntukkan suatu mekanisme bagi perlindungan pengguna termasuk menggalakkan suatu persekitaran yang membenarkan pengguna berhubung dengan industri penerbangan awam mendapat akses dengan cara yang telus kepada pilihan produk dan perkhidmatan yang berkualiti tinggi dan pada harga yang berpatutan.

Sekian, terima kasih.